

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS1EN/2

SECONDARY 1 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 1

BAHASA MELAYU
(KERTAS 2)

MALAY
(PAPER 2)

Additional Materials: Answer Booklet

Total Time: 1 h 30 min

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Write your Index No. in the boxes at the top right hand corner.
2. Do not turn over this page until you are told to do so.
3. Follow all instructions carefully.
4. Answer all questions.
5. Write your answers in the spaces provided.



This question paper consists of 11 printed pages.

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan.

Pada zaman moden ini, kita boleh memiliki ribuan teman di media sosial. Disebabkan kewujudan teknologi yang semakin canggih, cara untuk menambah jumlah teman amat mudah. Kita hanya perlu menekan satu butang untuk memasukkan mereka ke dalam senarai kawan yang kita miliki. Namun, sebuah tinjauan (1) bukti bahawa meskipun seseorang mempunyai ramai teman di alam maya, jumlah teman akrab yang dimiliki telah berkurangan jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Oleh itu, amat penting bagi kita untuk (2) jalín persahabatan yang berkualiti dan bertahan lama. Pertama, kita patutlah menunjukkan keprihatinan terhadap sahabat kita. Ini boleh (3) laku dengan memberikan perhatian dan waktu kepada mereka jika mereka dilanda masalah atau memerlukan nasihat. (4) Dua, kita juga tidak patut mengharapkan kesempurnaan daripada sahabat kita. Sebaik-baiknya, kita harus menghargai kelebihan mereka dan cuba untuk saling memperbaiki kelemahan yang wujud dalam diri masing-masing. (5) Amal nasihat-nasihat tersebut untuk mengekalkan persahabatan dengan insan yang tersayang. Janganlah kita menjadi terkenal hanya di alam maya malah juga di alam nyata.

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapi jalan cerita petikan karangan.

- (A) alah bisa tegal biasa
- (B) ada gula adalah semut
- (C) bagai hujan jatuh ke pasir
- (D) malu berkayuh perahu hanyut
- (E) ditatang bagai minyak yang penuh
- (F) sesat di hujung, balik ke pangkal jalan
- (G) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa
- (H) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (I) belakang parang jikalau diasah nescaya tajam

Senyuman menguntum di bibir Ilham ketika dia melihat rakan karibnya, Faris, yang berdiri di pentas sambil menggenggam segulung ijazah. Tanpa diduga, rakannya yang kurang pintar dan degil itu akhirnya berjaya menjejakkan kaki ke menara gading. Sebenarnya, Ilham tidak pernah berputus asa mengajar Faris kerana dia tahu seseorang yang bodoh sekalipun boleh menjadi pandai jika diajar dengan betul. Maklumlah, ____ (6) _____. Pada mulanya, Ilham sering mengingatkan Faris supaya jangan malas berusaha supaya akan meraih kejayaan pada suatu hari nanti kerana ____ (7) _____. Walau bagaimanapun, nasihat Ilham hanya sia-sia sahaja ____ (8) _____. Namun, keadaan berubah secara serta-merta setelah ibu Faris meninggal dunia akibat barah. Kehidupan Faris berubah kerana semenjak bapanya meninggal dunia ketika Faris berusia setahun, Faris dijaga dengan sempurna oleh ibunya laksana ____ (9) _____. Namun demikian, Faris tidak berputus harap. Faris mula belajar bersungguh-sungguh dengan bantuan dan bimbingan Ilham. Faris belajar dengan rajin setiap hari. Lama-kelamaan, pelajaran yang dahulunya begitu sukar menjadi senang bak pepatah ____ (10) _____. Akhirnya, Ilham dan Faris dapat berganding bahu dan menuntut ilmu bersama-sama di menara gading.

6. () 7. () 8. () 9. () 10. ()

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

berpatutan	kajian	dikaitkan
disenaraikan	dengan	mahal
daripada	kedudukan	

Singapura merupakan satu-satunya negara Asia yang tersenarai dalam kedudukan sepuluh bandar paling selesa didiami di dunia. Sebanyak 79 bandar _____ (11) _____ dalam Indeks Global 2018 dalam kategori Bandar Paling Selesa Didiami dan Bandar Bijak itu.

Bandar-bandar di bahagian barat dan utara Eropah menguasai _____ (12) _____ teratas, manakala bandar-bandar yang berada dalam senarai terbawah kebanyakannya terletak di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Singapura juga menduduki tangga keempat dalam senarai bandar paling mahal untuk didiami golongan ekspatriat ataupun karyawan asing. Ini menurut _____ (13) _____ Institut Persaingan Asia yang berpangkalan di Singapura. Tinjauan itu membezakan antara golongan ekspatriat _____ (14) _____ penduduk biasa. Golongan ekspatriat didapati lebih cenderung membeli barangan yang _____ (15) _____. Ini disebabkan oleh minat mereka untuk mengumpul barangan yang berjenama.

11. _____

12. _____

13. _____

14. _____

15. _____

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

Larian Berpasangan 1KM dan 2KM

Anjuran Kelab Masyarakat Akar
Sempena Hari Persahabatan Antarabangsa

Tarikh:

14 Februari 2019

Waktu:

8 pagi hingga 12 tengah hari

Yuran Penyertaan:

\$12 setiap pasangan

(Percuma kemeja-T acara!)

Eratkan persahabatan sambil
bergiat sihat bersama sahabat
karib anda!

Sepuluh pasangan terpuantas
bakal menerima pingat!

Pendaftaran boleh dilakukan
secara dalam talian menerusi
laman web penganjur sebelum

30 Januari 2019.



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.


16. Tujuan utama acara larian tersebut diadakan adalah untuk _____.
- (A) mendapat kemeja-T secara percuma
 - (B) menyokong acara anjuran Kelab Masyarakat Akar
 - (C) menjadi pasangan terpantas agar berpeluang mendapat pingat
 - (D) merapatkan persahabatan sambil mengamalkan gaya hidup sihat ()
17. Semua pernyataan di bawah adalah benar **kecuali** _____.
- (A) acara ini berlangsung selama empat jam
 - (B) yuran pendaftaran ialah \$12 bagi setiap pasangan
 - (C) pendaftaran perlu dilakukan di Kelab Masyarakat Akar
 - (D) pendaftaran harus dilakukan sebelum 30 Januari 2019 ()
18. 'bergiat' dalam poster ini bermaksud _____.
- (A) memaksa diri masing-masing
 - (B) melakukan sesuatu sambil berhibur
 - (C) berusaha dengan bersungguh-sungguh
 - (D) mengajak seseorang melakukan sesuatu ()

Tahukah anda?

Lebih 100,000 hidupan laut mati setiap tahun akibat tersangkut, keracunan atau tertelan bahan-bahan plastik.

Sekitar sejuta burung-burung laut juga mati akibat tertelan plastik.

Sehelai beg plastik sahaja sudah boleh menyebabkan kematian banyak haiwan kerana ia mengambil masa yang sangat lama untuk hancur.



Kurangkan Pembaziran Plastik!

- ✓ Gunakan beg pasar guna semula.
- ✓ Bawa straw minuman sendiri atau jangan gunakannya sama sekali.
- ✓ Sertai kerja sukarela membersihkan kawasan pantai.
- ✓ Bungkus makanan dengan menggunakan bekas makanan sendiri.
- ✓ Jika perlu menggunakan beg plastik, gunakan jenis yang boleh dibiodegradasikan.



Arahan: Berdasarkan petikan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19. Sebab utama burung-burung laut kehilangan nyawa adalah kerana _____.

- (A) mereka tertelan plastik
- (B) mereka diracuni plastik
- (C) mereka hancur di dalam plastik
- (D) mereka tersangkut dalam plastik

()

20. Salah satu cara untuk mengurangkan pembaziran plastik adalah dengan _____.

- (A) menelan bahan-bahan plastik
- (B) menggunakan beg pasar plastik
- (C) menggunakan bekas makanan sendiri
- (D) tidak menggunakan straw minuman sendiri

()

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Andi ialah seorang anak kecil yang sangat berbakat, kreatif dan kacak. Sudah pasti, ramai yang akan mahu menjadi teman rapatnya. Sungguhpun begitu, dia mempunyai perwatakan yang tidak menyerupai wajahnya. Andi **panas baran** dan seringkali mementingkan dirinya sendiri. Disebabkan itu, ramai orang yang telah masak dengan perangainya memilih untuk menjauhi Andi. Apabila tidak mendapat apa yang diingini, Andi akan mengamuk tidak tentu pasal. Bermacam-macam kata kesat yang akan dia ucapkan kepada orang di sekeliling. Dia ditatang bagaikan minyak yang penuh tetapi kasih sayang yang mencurah-curah itu sedikit pun tidak memberinya hidayah untuk berubah menjadi seorang yang lebih baik.

5

Apabila Andi meningkat dewasa, ibu bapanya menjadi semakin bimbang akan sikapnya itu. Mereka berfikir panjang tentang bagaimana untuk menghuraikan masalah itu.

10

Suatu hari, ayah Andi mendapat satu idea yang amat **menakjubkan**. Beliau membuat satu perjanjian dengan anaknya. Pertama, dia memberikan anaknya sebungkus paku.

"Nampak pagar di luar rumah itu? Setiap kali kalau Andi mengamuk, Andi perlu pergi ke situ dan mengetuk sepucuk paku pada pagar itu.

Pada hujung hari pertama sahaja, Andi telah mengetuk lebih 40 paku ke pagar tersebut. Ia bukan sesuatu yang mudah kerana pagar itu diperbuat daripada kayu jati yang sangat **utuh**. Hari demi hari, jumlah paku yang diketuk pada pagar itu semakin berkurangan. Andi mempelajari bahawa ianya lebih mudah untuk mengawal kemarahannya daripada mengetuk paku pada pagar berkenaan.

15

Tiba suatu hari, dia langsung tidak menjadi berang lagi dan tidak perlu langsung mengetuk satu paku pun. Andi berasa bangga dengan kejayaannya lalu memberitahu ibu bapanya tentang perkara itu.

20

Ayahnya kemudian berkata, "bagi meraikan kejayaan kamu, kamu boleh mencabut semula satu paku bagi setiap hari kamu tidak mengamuk."

Setelah beberapa minggu, Andi berjaya mencabut semua paku yang ada. Dia pun terus memaklukkannya kepada ayahnya.

25

"Syabas Andi! Kamu berjaya berubah **mengawal** perasaanmu. Tetapi lihat lubang pada pagar ini. Setiap kali kamu memaki hamun seseorang, kamu meninggalkan parut di hati mereka dan parut itu ibarat pagar di depan mata kamu ini. Pakunya telah hilang, namun keadaan pagar itu tidak akan pernah serupa asal. Persahabatan lebih berharga daripada pagar ini. Setiap orang perlu dihormati dan dilayani dengan kasih sayang."

30

Andi tersentak mendengar kalimat yang diucapkan ayahnya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di ruangan yang disediakan.

21. Apakah yang menyebabkan orang tidak suka mendekati Andi? (3 markah)

22. Apakah akibatnya jika kemahuan Andi tidak dituruti? (3 markah)

23. Berikan bukti bahawa Andi seorang anak yang tidak pandai mengenang budi. (3 markah)

24. Apakah perjanjian di antara Andi dan ayahnya? (3 markah)

25. Berikan **dua** sebab mengapa Andi semakin kurang mengetuk paku di pagar tersebut. (5 markah)

26. Apakah **dua** sifat positif yang ditunjukkan oleh ayah Andi? Jelaskan dengan memberikan bukti-bukti. (5 markah)

Arahan: Bagi soalan 27 hingga 30, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman sebelumnya dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

27. panas baran (baris 3) (2 markah)

28. menakjubkan (baris 11) (2 markah)

29. utuh (baris 16) (2 markah)

30. mengawal (baris 27) (2 markah)

SELESAI